

**NOTA MAKLUMAN MENGENAI
KES ADUAN IKAN MATI DI DALAM LONGKANG TAMAN
PERUMAHAN JALAN SS7/6B KELANA JAYA, SELANGOR**

TUJUAN

Nota makluman ini adalah untuk memaklumkan status siasatan berhubung kes aduan ikan mati di longkang taman perumahan di Jalan SS7/6B, Kelana Jaya, Selangor.

LATAR BELAKANG

2. Pada 15 April 2016, jam 8.05 malam, Unit Aduan JAS Negeri Selangor telah menerima aduan dari Unit Aduan, JAS Putrajaya mengenai kematian ikan yang berlaku di lokasi tersebut di atas.
3. Susulan itu, Jabatan Alam Negeri Selangor telah menjalankan siasatan ke lokasi yang diadu pada 16 April 2016 dan pengadu juga telah dihubungi bagi mengesahkan lokasi kejadian.

PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan dan Tindakan Yang Telah Diambil Oleh Unit Aduan JAS Selangor.

4. Hasil siasatan di lokasi iaitu longkang taman perumahan di Jalan SS7/6B, Kelana Jaya, Selangor mendapati keadaan *monsoon drain* (longkang besar) agak kering. Selain itu, longkang tersebut adalah longkang kawasan perumahan dan bukannya sungai serta ianya adalah bukan untuk tempat memelihara ikan. Semasa siasatan dijalankan juga, didapati tiada individu yang memancing di lokasi tersebut dan di kawasan sekitarnya.

5. Walau bagaimanapun berdasarkan pemerhatian di longkang berkenaan didapati jumlah ikan talapia bersaiz kecil dan sederhana yang hidup masih banyak terdapat di dalam longkang. Hanya terdapat sebilangan kecil ikan talapia yang telah mati nisbah 1:100. Disyaki ikan tersebut mati disebabkan oleh cuaca yang panas dan penurunan paras air longkang. Didapati air longkang jernih dan tiada bau dikesan semasa siasatan.

6. Tinjauan di sekitar kawasan taman perumahan mendapati terdapat padang golf Kelab Golf Negara Subang dan kawasan taman tasik untuk aktiviti riadah berhampiran dengan taman perumahan tersebut.

7. Hasil siasatan ini juga mendapati tiada premis perindustrian dan loji kumbahan yang beroperasi berhampiran kawasan tersebut yang berkemungkinan boleh menjadi penyebab kematian ikan di longkang tersebut.

SYOR

8. Pemantauan akan dijalankan dari masa ke semasa.

PENUTUP

9. Dipohon untuk mengambil maklum hasil siasatan dan syor Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor berhubung kes aduan ikan mati di longkang taman perumahan di Jalan SS7/6B, Kelana Jaya, Selangor.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR
16 APRIL 2016